

25 AUG 1999

Jalan-Tutup

PENUTUPAN JALAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Jalan-jalan utama menuju Jalan Raja Laut dari Bulatan Hishamuddin hingga ke Bangunan Mara di Jalan Semarang akan ditutup pada 28 dan 29 Ogos untuk sesi latihan raptai sambutan Hari Kebangsaan dan 31 Ogos bagi perarakan Hari Kebangsaan.

Ketua Trafik Kuala Lumpur Supt Mohamed Zain Ismail hari ini berkata penutupan jalan itu bermula pukul 6 pagi hingga selesai semua acara perarakan.

Untuk mengelakkan kesesakan, beliau menasihati orang ramai supaya menggunakan perkhidmatan awam terutamanya pada 28 Ogos yang jatuh pada hari Sabtu, iaitu hari kerja.

Beliau berkata jalan yang ditutup ialah Jalan Cenderasari, Jalan Perdana dan Jalan Tugu ke Masjid Negara, Jalan Lebuhraya Pasar Besar dan Jalan Hang Kasturi, Jalan Tun Perak dan Lebuhraya Ampang, Jalan Parlimen menghala ke Jalan Tun Perak, Jalan Isfahan ke Jalan Raja Laut, Jalan Dang Wangi ke Jalan Raja Laut, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Sementara itu, jalan lelongan yang akan ditutup ialah susur Jalan Kuching ke Jalan Raja Laut, susur Jalan Kinabalu ke Jalan Hishamuddin dan susur Bulatan Merdeka ke Jalan Sulaiman.

Mohd Zain berkata penutupan jalan itu akan dilanjutkan dari Bulatan Hishamuddin hingga ke Jalan Travers berdekatan Stesen Keretapi KTM pada Hari Kebangsaan, Selasa depan.

Jalan-jalan utama berdekatan yang lain seperti Jalan Kuching dan Lebuhraya Mahameru akan dibuka seperti biasa.

Bagi orang ramai yang ingin menyertai sambutan Di Ambang Kemerdekaan, yang akan diadakan di Stadium Bukit Jalil pada malam 30 Ogos ini, mereka boleh menggunakan perkhidmatan Star-LRT yang akan beroperasi sehingga pukul 2 pagi hari berikutnya.

Beliau berkata bagi mereka yang datang menggunakan kenderaan, tempat letak kereta adalah di Taman Teknologi Malaysia, yang terletak berhadapan Lebuhraya Sungai Besi menuju ibu kota.

Untuk sambutan pembukaan Menara Berkembar Petronas pada malam Hari Kebangsaan (31 Ogos), Mohd Zain menasihati orang ramai menggunakan perkhidmatan Putra-LRT kerana Jalan Ampang dari persimpangan Jalan Tun Razak ke Jalan Sultan Ismail akan ditutup secara beransur-ansur mulai pukul 7 malam itu.

Upacara pembukaan itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

YBK NAK